

16/05/1997

Loji Janakuasa Lumut bukti kemampuan Bumiputera

LOJI Janakuasa Lumut di Segari, Perak membuktikan kemampuan Bumiputera berjaya dalam industri penjanaan kuasa, terutama operasinya dijalankan 100 peratus oleh syarikat Bumiputera.

Loji kitar padu kuasa gas itu mampu menghasilkan 1,303 MegaWatt (MW) serta dibangunkan Segari Energy Ventures Sdn Bhd (SEV) berupaya membekalkan elektrik tambahan sehingga 11 peratus ke grid nasional.

SEV yang dimiliki Malakoff Bhd (Malakoff) berkeupayaan memenuhi kadar tambahan bekalan elektrik berkenaan apabila berjaya menyiapkan loji janakuasa fasa kedua enam bulan lebih awal daripada yang dijadualkan.'

Pengerusi Malakoff, Jen (B) Tan Sri Mohd Ghazali Che Mat, berkata SEV juga berjaya mencatat rekod keselamatan 100 peratus tanpa kemalangan nyawa dalam tempoh 5.7 juta jam masa bekerja sepanjang tempoh menyiapkan loji itu.

"Berteraskan komitmen setiap individu yang bekerja di kawasan pembinaan bertanggungjawab terhadap keselamatan masing-masing, kemalangan nyawa dapat dielakkan dan ini membantu mengurangkan kadar kerugian dalam masa pembinaan berkenaan," katanya di majlis perasmian loji itu yang disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Segari dekat Lumut, semalam.

Hadir sama Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib dan isteri, Puan Sri Raja Noora Ashikin Raja Abdullah; Pengerusi Eksekutif Malaysian Resources Corporation Bhd (MRCB), Datuk Khalid Ahmad.

Loji berharga kira-kira RM4 bilion itu adalah loji janakuasa kitar padu terbesar di negara ini dan ketiga di dunia.

Malakoff, iaitu ahli kumpulan MRCB, memegang saham 75 peratus ekuiti dalam SEV, manakala pemegang saham lain ialah Tenaga Nasional Bhd (TNB) (20 peratus) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (lima peratus).

Menurut Mohd Ghazali, setiap satu loji janakuasa berkenaan mampu menjana 651.1 MW dengan setiap satu dilengkapi tiga turbin gas model ABB 13E2, tiga penjana wap pemulihan haba, satu turbin wap, empat penjana elektrik sampingan dan peralatan serta kemudahan saling bersambung dalam bangunan.

Loji itu direkabentuk khas untuk operasi yang anjal, masa mula yang pendek dan tahap kebolehsediaan, keboleh harapan dan kecekapan yang tinggi.

(END)